

14/06/1997

MB beku projek mega tanpa laporan EIA

Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Jumaat - Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar mengarahkan pihak berkuasa tempatan negeri ini menghentikan semua projek mega yang belum mempunyai laporan kesan alam sekitar (EIA), berkuatkuasa serta-merta.

Langkah tegas itu bertujuan memastikan projek pembangunan terutama membabitkan pembukaan hutan dan tanah tinggi, tidak memberi kesan buruk kepada alam sekitar.

Beliau turut mengarahkan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) yang bertanggungjawab mengenai alam sekitar, memastikan semua pemaju projek mega mematuhi arahan itu.

"Mulai sekarang pihak berkuasa tempatan mesti berhati-hati, projek mega yang sudah diluluskan tetapi tidak mempunyai EIA mesti dikaji semula, manakala projek yang sudah berjalan mesti diberhentikan.

"Saya mahu pihak berkuasa tempatan pastikan projek pembangunan tidak menjejaskan alam sekitar dan tidak merosakkan sumber alam semula jadi," katanya kepada pemberita di Sri Pentas, TV3 hari ini.

Beliau mengulas kebimbangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berikutan pembukaan hutan dan tanah tinggi di beberapa kawasan di Selangor terutama di bahagian utara.

Perdana Menteri membuat kenyataan itu selepas meninjau kawasan terbabit dari udara. Sebelum ini, semua kerajaan negeri diarah berhati-hati meluluskan pembukaan tanah tinggi dan hutan bagi mengelak tragedi Highland Towers yang mengorbankan lebih 40 nyawa berulang.

Ditanya sama ada Kerajaan Selangor bercadang mengetatkan dasar pembukaan tanah, Abu Hassan berkata kerajaan negeri mengamalkan sikap berhati-hati dan menetapkan kriteria tertentu bagi mengelakkan penyelewengan.

Menurutnya, semua Exco sudah diarah memberi perhatian serius bagi memastikan kepentingan rakyat terpelihara.

Selain itu, bagi menjamin pembangunan dilaksanakan secara menyeluruh, tapak perindustrian tidak lagi bertumpu di Lembah Klang sebaliknya akan diluaskan ke luar kawasan itu.

"Ini dijangka dapat mengurangkan kepadatan penduduk di samping memberi peluang kepada daerah lain membangun," katanya.

Mengulas khabar angin kononnya beliau akan membuat rombakan dalam Badan Perhubungan Umno Negeri, Abu Hassan berkata beliau tidak bercadang berbuat demikian.

Beliau juga tidak berhasrat menggantikan Speaker Dewan Undangan Negeri seperti yang dihebohkan.

Mengenai arahan supaya Adun mengisytiharkan harta mereka kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR), beliau berkata, BPR memaklumkan bahawa mereka sudah berbuat demikian.

Beliau akan menghubungi BPR untuk meminta salinan laporan itu sebagai panduan pada masa depan.

(END)